

11/10/2003

Malaysia kaji tubuh kumpulan pakar bebas

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan meneliti langkah menubuh kumpulan pakar bebas bagi memantau kerja penambakan laut yang dijalankan Singapura, sejurus selepas tamat sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak melengah-lengahkan langkah itu untuk memastikan kegiatan penambakan laut oleh Singapura tidak merosakkan persekitaran maritim dan kawasan perairan Malaysia.

Beliau berkata, perbincangan mengenai penubuhan kumpulan itu akan dikendalikan oleh Wisma Putra dan ia akan dilakukan sejurus selesai sidang kemuncak OIC, 18 Oktober ini.

"Penubuhan kumpulan ini sepenuhnya di bawah bidang kuasa Wisma Putra. Tetapi, sekarang ini mereka sibuk dengan OIC.

"Sebaik saja selesai OIC, mereka akan meneliti perkara ini," katanya selepas melancarkan buku Mahathir: 22 Years, 22 Voices, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas keputusan Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut (ITLOS) yang mengekalkan hak Singapura untuk meneruskan penambakan laut.

ITLOS Rabu lalu, sebulat suara mengarahkan Singapura tidak menambak laut sehingga boleh menyebabkan prejudis yang tidak dapat dipulihkan terhadap hak Malaysia atau merosakkan persekitaran marin.

Presiden ITLOS, L Dolliver M Nelson bersama 20 anggota tetap dan dua anggota ad-hoc, memerintahkan kedua-dua negara menubuhkan pakar bebas yang diberi mandat mengkaji kesan kerja penambakan itu.

Abdullah sebelum ini berkata, walaupun tidak puas hati dengan pengendalian hak Singapura itu, Malaysia tetap menerima keputusan itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika projek berkenaan menjejaskan wilayah Malaysia dan alam sekitar.